



## Februari hingga Jun bulan tumpuan

**Bukit Fraser:** Bukit Fraser adalah syurga untuk pemerhati burung dengan suasana kawasan hutan asli yang menjadi rumah kepada 260 spesies burung dan satu pertiga daripadanya spesies burung tanah tinggi.

Pada ketinggian 1,524 meter di atas paras laut, tempat peranginan tanah tinggi ini syurga aktivis alam semula jadi yang menawarkan pelbagai jenis tumbuhan selain burung dan haiwan liar.

Bagi pencinta burung, setiap tahun sekitar Februari hingga Jun, Pertandingan Mengenali Burung diadakan untuk mempromosikan tanah tinggi itu sebagai sanuaruani burung seluruh dunia.

Pertandingan ini lebih dikenali sebagai 'Birdrace' iaitu satu kumpulan terdiri daripada tiga ahli dikehendaki mengenal pasti dan merekodkan sebanyak mungkin spesies burung dalam masa 24 jam mengikut garis panduan ditetapkan.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Farah Shafawati Mohd Taib berkata, berdasarkan kedudukan Malaysia di tengah-tengah laluan penghijrahan burung Australia menjadikannya nuan rumah kepada lebih 120 spesies burung hijrah.

"Penhijrahan burung merujuk kepada penerbangan bermusim yang dilakukan.

"Penhijrahan burung ini tindak balas perubahan makanan yang ada, habitat dan juga cuaca, kebanyakan

pergerakan burung hijrah adalah mengikut laluan penerbangan iaitu menggunakan laluan Asia Timur - Australia," katanya.

Menurutnya, bermula antara Oktober hingga Mac, burung hijrah akan ke negara musim panas termasuk ke Malaysia dan ada antara burung itu singgah di Bukit Fraser.

"Daripada 260 spesies burung di Bukit Fraser, 205 spesies residen iaitu burung yang boleh didapati sepanjang tahun dan bertelur di tanah tinggi berkenaan atau kawasan di Semenanjung Malaysia.

"Majoriti spesies burung hijrah ini datang dari negara lain seperti Siberia dan China," katanya.

Katanya, kebanyakan burung yang boleh didapati hanya di Bukit Fraser adalah Gagak Gunung, Takur Ekor Panjang, Takur Api, Takur Pipi Kuning dan yang paling terkenal di tanah tinggi adalah Rimba Telinga Putih.

"Burung hijrah singgah di Bukit Fraser berikutan kawasan ini belum tercemar dengan arus pembangunan seperti di kawasan tanah tinggi lain.

"Berdasarkan kajian, ada pengkaji memasang 'transmitter collar' pada burung untuk melihat laluan digunakan dan hasilnya ada burung terbang ribuan kilometer untuk sampai di negara ini," katanya.



POKOK periuk kera antara tumbuhan unik di Bukit Fraser.

# FRASER KAYA BIO

■ Lokasi tumpuan pemerhati burung tanah tinggi jadi rumah kepada 260 spesies burung



DR Farah